



## Pelajar SMK Astana lawat Wisma Putra

SERAMAI 88 pelajar diiringi guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Astana, Kuantan, Pahang berpeluang mengunjungi kompleks Wisma Putra di Presint 2, Putrajaya baru-baru ini.

Mereka yang terdiri daripada ahli Persatuan Sejarah dan Patriotisme sekolah tersebut turut disantuni sendiri

Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah pada acara jamuan tengah hari.

Lawatan sambil belajar itu merupakan sebahagian Program Kajian Lapangan Pembudayaan Ilmu Sejarah disusun khas dengan mendapat kerjasama pihak Jabatan Muzium Malaysia.

Aktiviti berkenaan turut dianjurkan bersama Persatuan Sejarah Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Pusat Latihan Dakwah Darul Adnin.

Para peserta turut diberi taklimat berhubung gerak kerja Kementerian Luar sambil berkongsi pengalaman dan

bertukar pandangan sebagai inspirasi peranan perkhidmatan diplomatik.

■ SAIFUDDIN Abdullah (tengah) bergambar dengan pelajar dan guru SMK Astana yang melakukan lawatan ke Wisma Putra, Putrajaya baru-baru ini.

- UTUSAN/AMREE AHMAD